



KENDERAAN terkandas di persimpangan Tun Razak, Air Keroh berdekatan MITC apabila banjir kilat melanda kawasan berkenaan ekoran hujan lebat di Melaka semalam.

Beberapa kawasan di Melaka dilanda banjir kilat ekoran hujan

Oleh ROSLI HASSAN

rosli.hassan@kosmo.com.my

MELAKA – Hujan lebat hampir empat jam bermula pukul 8 pagi semalam menyebabkan beberapa kawasan perumahan di negeri ini dinaiki air sekali gus memaksa sebuah pusat pemindahan mangsa banjir dibuka semula.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir negeri berkata, sebuah keluarga yang tinggal di Kampung Pegoh, Alor Gajah dipindahkan ke pusat pemindahan sementara di balai raya kampung berkenaan.

“Hujan lebat pagi tadi (semalam) menyebabkan banjir di Kampung Pegoh dan sebuah keluarga yang melibatkan sembilan orang terpaksa dipindahkan.

“Bagi kawasan lain terutama di Alor Gajah, ada beberapa kawasan perumahan antaranya Taman Awan Biru dan Taman



DUA penduduk mengalihkan barang-barang di dalam rumah mereka yang dilanda banjir kilat di Taman Awan Biru, Alor Gajah semalam.

Seri Bayu dinaiki air namun ia surut sejam selepas hujan berhenti,” katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Menurutnya, 68 keluarga sekitar Sungai Petai yang kediaman mereka terjejas akibat dinaiki air juga telah mendaftar diri di pusat pemindahan sementara di Sekolah Kebangsaan Sungai Petai namun

semuanya pulang ke rumah masing-masing selepas air surut.

Selain Alor Gajah, tinjauan *Kosmo!* di sekitar Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC) mendapati jalan-jalan di situ termasuk persimpangan lampu isyarat Kota Cemerlang, Ayer Keroh dinaiki air dan memaksa laluan berkenaan ditutup sementara.